

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

**HMT 504 – Morfologi dan Sintaksis Bahasa Melayu Lanjutan  
(Advanced Malay Syntax and Morphology)**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA [5]** soalan. Jawab **SOALAN 1** dan mana-mana **TIGA [3]** yang lain.

1. Dalam kajian sintaksis yang menggunakan teori Kuasaan dan Tambatan (KT) khususnya melalui modul X', rajah pohon Struktur-D tidak lagi dianggap sebagai produk kombinasi Rumus Tulis Semula (Phrase Structure Rules) dan Leksikon (lexicon), misalnya dalam Peter Sells (1985) dan Jamal Ouhalla (1994).

Dengan menggunakan contoh-contoh daripada bahasa Melayu (dan kalau perlu sokonglah dengan data daripada bahasa lain), jawab yang berikut:

- [a] Apakah anggapan dan kandungan teori X' ini?
- [b] Apakah antara justifikasi yang menyokong penggunaan X' serta tunjukkan keunggulannya dalam menangani ayat yang membabitkan *ajungsi* seperti di bawah?
  - [i] Who did Mary see?
  - [ii] Apakah yang Amin makan?

...2/-

- [c] Bagaimanakah sebenarnya proses penjanaan ayat yang di dalamnya terdapat kata kerja transitif, kata kerja tak transitif dan kata kerja tak bersubjek?
- [d] Berikan struktur X' bagi ayat-ayat berikut:
- [i] Alilah yang datang pagi tadi.
  - [ii] Siapa yang pukul siapa?

[40 markah]

2. Jawab mana-mana **TIGA [3]** daripada [a], [b], [c] dan [d]. Dengan menggunakan contoh-contoh daripada bahasa Melayu (dan kalau perlu daripada bahasa lain yang anda tahu) jawab yang berikut:

- [a] Apakah yang kamu fahami dengan kasus (case)?
- [b] Apakah justifikasi terhadap anggapan bahawa dalam bahasa Melayu pun ada kasus?
- [c] Jelaskan cara kasus diberi dalam ayat-ayat bahasa Melayu.
- [d] Apakah "penyaring kasus" (case filter)? Tunjukkan cara mekanisme ini dapat digunakan dalam derivasi **ayat pasif**.

[20 markah]

3. Dengan menggunakan contoh-contoh daripada ayat bahasa Melayu terutamanya, terangkan apakah maksud **TIGA [3]** daripada yang berikut?

- [a] Prinsip Projeksi Tambahan (Extended Projection Principle)
- [b] Kawalan Subjek dan Kawalan Objek (Subject control dan Object control)
- [c] Gerak ajungsi (Adjunction movements)
- [d] Cabang Duaan (Binary Branching)

[20 markah]

4. Jawab **TIGA [3]** daripada yang berikut:

Tunjukkan operasi rumus-rumus berikut dalam ayat-ayat bahasa Melayu:

- [a] Penaikan subjek kepada subjek (subject to subject raising);
- [b] Penaikan subjek kepada objek (subject to object raising);
- [c] Quantifier raising (penaikan kuantifier)
- [d] Wh-Movement (gerak Wh-).

[20 markah]

5. Dengan contoh-contoh daripada bahasa Melayu, tulis **EMPAT [4]** nota pendek daripada tajuk-tajuk berikut:

- [a] Projeksi maksimum (maximal projection),
- [b] a c-command b
- [c] Hipotesis pengekalan struktur (structure-preserving hypothesis),
- [d] Peraturan tikas (trace convention)
- [e] kategori kosong (empty categories).

[20 markah]